

17 JUN 1998

Komanwel-Mahathir

KEMUDAHAN DI SUKAN KOMANWEL SATU `KEAJAIBAN MAHATHIR`

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 17 Jun (Bernama) -- Sebuah akhbar terkemuka Australia telah menyifatkan operasi Sukan Komanwel di Kuala Lumpur, September ini, sebagai satu 'Keajaiban Mahathir.'

Dalam tulisannya di akhbar 'The Age' selepas melawat lima hari ke Malaysia untuk meninjau persiapan di stadium dan perkampungan sukan, penulis rencananya Louise Evan berkata:

"Pada setiap gelanggang, tenaga buruh asing sibuk membuat persiapan terakhir untuk melakukan keajaiban Perdana Menteri Mahathir."

Evans berkata kejatuhan nilai mata wang tempatan membuatkan "ia bukan sesuatu yang mudah" tetapi beliau telah pulang ke Melbourne dengan rasa penuh kagum dengan apa yang telah beliau lihat, terutama berhubung persiapan menganjurkan sukan itu dan juga kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk negara peserta.

"Seperti mahkota bertatahkan permata, stadium utama yang mempunyai 100,000 tempat duduk -- lebih besar dari Stadium Olimpik Atlanta dan lebih hebat dari stadium di Barcelona -- telah siap dan sedia menunggu kedatangan ahli-ahli dan pemimpin sukan Komanwel. Ia akan dibuka dengan rasminya 1 Julai ini." kata beliau.

"Pembinaan-pembinaan pesat sekitar bandaraya Kuala Lumpur juga telah menambahkan bilangan tempat penginapan daripada 12,000 kepada 25,000 bilik untuk sejumlah 50,000 pelawat yang dijangka akan datang pada temasya itu.

"Tenaga pengangkutan penting, pemandu teksi, juga telah sudah siap sedia menunggu 'durian runtuh' semasa temasya sukan ini, yang kali pertama diadakan di Asia.

"Kelembapan jualan tiket, seperti biasa, masih menjadi masalah, tetapi pengkritik mengenai cuaca panas dan juga jerebu yang disebabkan oleh pembakaran hutan di Indonnesia, mungkin telah terjawab.

"Kini tiada apa lagi yang boleh menghalang Yang di-Pertuan Agong, bukan Ratu England daripada menyebut perkataan 'Let The Games Begin' pada 11 September ini.

"Terlalu banyak telah dilaburkan. Terlalu banyak telah dipertaruhkan, baik dari segi politik dan ekonomi, untuk menjadikan apa yang dikatakan sebagai keajaiban sukan di Malaysia.

Evans berkata buat pertama kali dalam sejarah, penganjuran sukan ini mendapat sokongan penuh daripada sebuah kerajaan, bukan syarikat swasta.

"Saya tidak ada mendengar satu perkataan pun berhubung rasa tidak puas hati dari orang ramai ... yang ada ialah perasaan bangga dan harapan agar temasya ini berjaya sepenuhnya," kata rencana itu.

-- BERNAMA

NDC ZB